

26 JAN 2001

MAHATHIR: KERAJAAN AKAN TUNAI JANJI UNTUK TENTERA

SIK, 26 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menunaikan janji untuk memberi kemudahan yang lebih baik kepada anggota tentera.

Beliau berkata antara perkara-perkara berkenaan ialah kebajikan serta tempat tinggal yang lebih baik kepada anggota dan pegawai tentera.

"Beberapa kemudahan yang lebih baik pernah diberitahu akan diberi kepada anggota tentera, tetapi ada di antara yang dijanjikan itu belum lagi dapat dilaksanakan.

"Saya tidak tahu macam mana kelewatan itu boleh berlaku. Kerajaan tidak mahu anggota tentera melihat kita tidak menunaikan janji," katanya pada sidang media selepas majlis Aidilfitri bersama anggota tentera di Kem Gubir, di sini, hari ini.

Beliau berkata Kementerian Pertahanan telah diminta melihat secara serius semua perkara berkenaan.

-- BERNAMA

MZM JM RI